

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 October 2015

● Jokowi nyatakan rasa tertekan ● Malaysia cadang kaedah telaga tiub kawal kebakaran

# Kesal jerebu beri masalah

UM - 12/10/2015



INDONESIA melahirkan rasa kesal dengan bencana jerebu yang bukan sahaja memberi kesan kepada rakyatnya tetapi juga mendatangkan masalah kepada negara-negara jiran sejak sekian lama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun Presiden Indonesia, Joko Widodo tidak menyatakan permohonan maaf secara langsung berhubung perkara itu, namun beliau menyatakan rasa tertekan dengan keadaan yang berlakuitu.

"Beliau faham dan sedar bahawa secara fakta perkara itu sesuatu yang memalukan tetapi keadaan ini adalah sesuatu yang amat sulit. Bukanlah tujuan beliau membenarkan perkara ini (pembakaran terbuka hutan dan kawasan pertanian) berlaku.

"Tetapi pada hakikatnya kalau mereka (peladang) tidak menggunakan cara tebang dan bakar, loos untuk membuka kawasan pertanian terlalu tinggi," katanya kepada pemberita Malaysia selepas mengadakan pertemuan dengan Joko Widodo atau Jokowi di Istana Presiden, di Bogor, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya adakah Jokowi memohon maaf kepada Malaysia ekoran bencana jerebu yang memberi kesan teruk kepada Malaysia sehingga suatu ketika sekolah-sekolah di hampir semua negeri terpaksa ditutup ekoran bacaan Inaeks Pencemaran Udara (IPU) berada pada tahap tidak sihat.

Najib berada di sini dalam rangka lawatan dua hari ke republik ini. Beliau mengadakan rundingan dengan Jokowi untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala dalam membangunkan industri sawit, selain membincangkan mengenai



NAJIB TUN RAZAK bersama Joko Widodo mengadakan sidang akhbar selepas pertemuan dua hala di antara Malaysia dan Indonesia mengenai perindustrian kelapa sawit serta bantuan misi kebakaran di kediaman rasmi Presiden Indonesia itu di Istana Bogor, Jakarta, semalam. Turut kelihatan Datin Seri Rosmah Mansor dan Iriana Joko Widodo - BERNAMA

kerjasama di bidang alam sekitar.

Menurutnya, para petani dan peladang di Indonesia memilih kaedah tebang dan bakar bagi membuka kawasan pertanian baharu kerana kaedah lain yang lebih mesra alam adalah 40 kali ganda lebih mahal berbanding kaedah yang dilakukan sekarang.

"Lagi pun mereka ini miskin menyebabkan mereka memilih kaedah ini. Kebakaran juga melibatkan kawasan yang begitu luas, ditambah pula dengan fenomena el-Nino

yang mengakibatkan kebakaran maaah merebak ke kawasan yang lebih luas," ujarnya.

Sebelum ini, Jokowi menyatakan republik itu memerlukan masa tiga tahun untuk menangani masalah jerebu dengan cara membina empangan dan terusan-terusan di kawasan pertanian untuk membasahkan tanah gambut dan mengawal kebakaran.

Bagaimanapun, Najib yang menyifatkan tempoh tiga tahun itu terlalu lama, mencadangkan keraja-

an Indonesia membina telaga tiub seperti yang banyak dilakukan di Sarawak dalam usaha mengawal kebakaran khususnya di tanah gambut.

"Pembinaan terusan yang memakan masa tiga tahun adalah berdepan dengan ancaman jerebu dalam masa tiga tahun lagi. Jadi pembinaan telaga tiub dikira lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata, Jokowi memandang positif cadangan tersebut

dan mengarahkan pihak berkuasa mengadakan lawatan ke Malaysia dan melihat sendiri kaedah telaga tiub yang banyak diamalkan di kawasan pertanian di Sarawak.

Menurut Perdana Menteri, dalam pertemuan itu juga, beliau memberitahu Jokowi bahawa jerebu telah memberi ancaman kepada rakyat Malaysia dari segi kesihatan, ekonomi, peneangkutan, persekolahan dan pelbagai perkara lagi yang terganggu ekoran masalah tersebut. - UTUSAN